

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 SEPTEMBER 2021

AKHBAR : BERITA HARIAN



Kerajaan perlu memberi tumpuan mengurangkan beban rakyat akibat pandemik COVID-19. (Foto hiasan)

# Bajet 2022 perlu tumpu kebajikan rakyat

Syed Abdullah  
Syed Osman  
Jamalullaili,  
Seremban

Bajet 2022 dijangka dibentangkan di Parlimen hujung Oktober depan. Harapnya, ia akan mewakili aspirasi kebajikan rakyat terutama dalam menangani kesempitan hidup ketara yang belum pernah ditem-

puhi sebelum ini.

Masalah terjejasnya peniaga kecil-kecilan dan ramainya rakyat menganggur serta hilangnya pendapatan untuk menyara keluarga, begitu berat ditanggung rakyat.

Ada yang sampai terpaksa bergadai atau sampai ke tahap meminta-minta simpati orang ramai berikutan dapur sudah tidak berasap. Paling ditakuti kesempitan hidup menyebabkan sewa rumah tidak mampu dibayar.

Sudah pun ada terdengar keluarga bercerai kerana tiada lagi harmoni dalam institusi kekeluargaan dan ada yang sampai terjun jambatan.

Semuanya disebabkan penangan pandemik COVID-19 yang turut menyaksikan angka kematian dalam negara melebihi 18,000 orang.

Besar sekali harapan supaya Menteri Kewangan memberikan tumpuan lebih untuk membina semula kebajikan rakyat berbanding teras yang lain. Peruntukan pembangunan dan seumpamanya bolehlah ditangguhkan dahulu untuk memberikan laluan kepada rakyat yang kini benar-benar terasa bahang yang semakin terhimpit.

Kalau hendak diteruskan juga, dicadangkan lebihkan pemberian peruntukan bajet untuk Kementerian Kesihatan kerana masalah kesihatan rakyat perlu diambil perhatian serius. Lihat saja hospital dan klinik kesihatan kerajaan semakin sesak dan penuh dengan pesakit hingga ada katil berhimpit-himpit ke luar wad.

Amat mendukacitakan, terlalu ramainya pesakit lemah jantung terpaksa menunggu giliran untuk rawatan pembedahan kadangkala sampai bertahun lamanya. Ada juga meninggal dunia sebelum sempat pun menerima rawatan pembedahan.

Ini yang selalu berlaku bagi rakyat kebanyakan yang tidak mampu menanggung kos perubatan di hospital swasta. Justeru, kesihatan juga antara sektor penting untuk kebajikan rakyat biasa.

Dalam keadaan sekarang, tumpuan sepenuhnya adalah bagaimana untuk membantu rakyat dan memulihkan ekonomi supaya seimbang dengan pendapatan negara.

Hakikatnya, kita mempunyai tenaga muda yang bijak pandai dan kepakaran mereka sepatutnya dimanfaatkan untuk memajukan negara sebagaimana dipraktikkan negara maju ketika ini dan ia membuahkan hasil.